

LAMPIRAN 1

CUKAI KORPORAT BAGI SYARIKAT KECIL DAN SEDERHANA

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, semua syarikat di Malaysia dikenakan cukai korporat sebanyak 28% ke atas pendapatan bercukai. Dengan mengambil pertimbangan galakan cukai yang disediakan, *effective tax rate* adalah lebih rendah, misalnya bagi sektor pembuatan adalah lebih kurang 8% sahaja. Walau bagaimanapun, syarikat kecil dan sederhana kurang mendapat manfaat daripada galakan cukai yang disediakan berbanding dengan syarikat besar. Dengan itu, *effective tax rate* bagi syarikat kecil dan sederhana adalah lebih tinggi.

Cadangan

Selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan lagi pelaburan tempatan terutamanya oleh syarikat kecil dan sederhana, adalah dicadangkan syarikat berkenaan yang modal berbayar RM2.5 juta dan ke bawah dikenakan cukai korporat sebanyak 20% bagi pendapatan bercukai sehingga RM100,000. Bagi pendapatan bercukai selebihnya, kadar cukai 28% dikekalkan. Dividen yang diagihkan akan diberi kredit cukai sebanyak 20% di peringkat pemegang saham.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

LAMPIRAN 2

PILIHAN BAGI SYARIKAT TARAF PERINTIS MENIKMATI ELAUN PELABURAN SEMULA

Kedudukan Semasa

Syarikat Taraf Perintis yang membuat pelaburan semula tidak layak mendapat galakan Elaun Pelaburan Semula. Dalam konteks ini, syarikat Taraf Perintis adalah:

- i. syarikat yang telah mendapat kelulusan galakan Taraf Perintis secara prinsip; atau

- ii. syarikat yang sedang memohon sijil perintis; atau
- iii. syarikat yang telah mendapat sijil perintis dan tempoh pelepasan cukai masih belum tamat.

Cadangan

Bagi menggalakkan lagi pelaburan semula, adalah dicadangkan syarikat Taraf Perintis yang bercadang membuat pelaburan semula sebelum tamat tempoh perintisnya layak diberi galakan Elaun Pelaburan Semula dengan syarat Taraf Perintis diserahkan balik untuk dibatalkan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 21 September 2002.

LAMPIRAN 3

GALAKAN BAGI MENGAMBILALIH SYARIKAT ASING

Kedudukan Semasa

Tumpuan yang berterusan wajar diberi bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian yang berdaya maju dan berteknologi tinggi. Proses mencapai peringkat teknologi tinggi mengambil masa yang panjang dan memerlukan tahap kepakaran yang tinggi serta melibatkan kos yang besar.

Pada masa ini, tiada galakan cukai diberi kepada syarikat yang mengambilalih syarikat milik asing di luar negara untuk mendapat teknologi tinggi atau rangkaian pasaran eksport.

Cadangan

Bagi mempercepatkan penglibatan pelabur tempatan dalam industri berteknologi tinggi atau bagi menembusi pasaran eksport dengan cepat, adalah dicadangkan syarikat milik tempatan yang mengambilalih syarikat milik asing di luar negara diberi elaun tahunan 20% selama 5 tahun ke atas kos pengambilalihan bagi tujuan berikut:

- i. mendapat teknologi tinggi bagi pengeluaran dalam negara; atau
- ii. mendapat pasaran eksport baru bagi keluaran tempatan.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 21 September 2002.

LAMPIRAN 4

KAJIAN SEMULA CUKAI PEGANGAN KE ATAS BAYARAN PERKHIDMATAN

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, bayaran perkhidmatan kepada bukan pemastautin dikenakan cukai pegangan 10%. Bayaran perkhidmatan ini adalah ke atas khidmat nasihat, bantuan atau perkhidmatan teknikal berkaitan dengan pengurusan atau pentadbiran apa-apa projek. Bayaran perkhidmatan ini disifatkan sebagai diperolehi dari Malaysia jika:

- i. tanggungjawab untuk membuat bayaran tersebut terletak pada Kerajaan atau seorang yang bermastautin; atau
- ii. bayaran tersebut dituntut sebagai perbelanjaan atau wang keluar dalam akaun sesuatu perniagaan yang dijalankan di Malaysia.

Dengan peruntukan di atas, bayaran perkhidmatan kepada bukan pemastautin dikenakan cukai pegangan, tidak kira sama ada perkhidmatan berkaitan disediakan di dalam atau di luar Malaysia.

Cadangan

Bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan, adalah dicadangkan bayaran kepada bukan pemastautin bagi perkhidmatan yang disediakan di luar negara tidak dikenakan cukai pegangan 10%.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 21 September 2002.

**PERUNTUKAN HUTANG LAPUK CUKAI JUALAN
DAN CUKAI PERKHIDMATAN**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang kena dibayar oleh pemegang lesen perlu dijelaskan kepada Kerajaan apabila genap tempoh bercukai yang ditetapkan walaupun ianya tidak dapat dipungut daripada pelanggan. Di bawah Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975, tiada peruntukan yang membenarkan cukai yang tidak dapat dipungut daripada pelanggan dianggap sebagai hutang lapuk.

Cadangan

Bagi mengurangkan beban kewangan pemegang lesen, adalah dicadangkan cukai jualan atau cukai perkhidmatan yang telah dijelaskan oleh pemegang lesen dianggap sebagai hutang lapuk dalam keadaan berikut:

- i. pemegang lesen tidak dapat memungut hutang daripada pelanggan selepas tempoh 12 bulan daripada tarikh cukai dijelaskan; atau
- ii. pelanggan telah diisytiharkan mufliis di bawah Akta Bankrupsi 1967; atau
- iii. pelanggan telah diletakkan di bawah penerima (*receivership*) atau *official assignee*; atau
- iv. pelanggan telah diperintahkan oleh mahkamah untuk penggulungan; atau
- v. pemegang lesen telah memfailkan tuntutan ke mahkamah untuk menuntut hutang cukai berkenaan atau tindakan kebangkrapan telah difailkan di mahkamah terhadap pelanggan.

Setelah dianggap sebagai hutang lapuk, pemegang lesen layak memohon pulang balik cukai berkenaan tertakluk kepada syarat yang akan ditetapkan.

Cadangan ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.

PENILAIAN CUKAI JUALAN BAGI BARANGAN PEMBUATAN TEMPATAN

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, nilai barangan import bagi tujuan pengiraan cukai jualan adalah sama dengan nilai yang digunakan untuk mengenakan duti import. Nilai barangan import ditentukan mengikut kaedah penilaian *World Trade Organisation (WTO)* yang berdasarkan nilai transaksi. Nilai transaksi tidak boleh diubah kecuali mempunyai bukti.

Bagi barangan pembuatan tempatan, penentuan nilai bagi maksud cukai jualan adalah berdasarkan penilaian konsep *notional* yang menggunakan harga pasaran terbuka di mana nilai barangan boleh dinaikkan dalam keadaan-keadaan tertentu. Tanggungjawab membuktikan harga pasaran terbuka terletak di pihak pengilang.

Kaedah penilaian yang berbeza ini boleh menjadikan barangan pembuatan tempatan dikenakan cukai jualan yang lebih tinggi.

Cadangan

Bagi mengurangkan beban cukai jualan barangan pembuatan tempatan serta meningkatkan daya saingnya, adalah dicadangkan kaedah penilaian bagi barangan tersebut diseragamkan dengan kaedah penilaian barangan import yang berdasarkan nilai transaksi.

Cadangan ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.

KAJIAN SEMULA GALAKAN UNTUK PENJIMATAN TENAGA

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, galakan cukai untuk menggalakkan penjimatan tenaga adalah seperti berikut:

A. Syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan tenaga:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun atau Elaun Cukai Pelaburan 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan statutori; dan
- ii. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan untuk projek berkenaan jika tidak dikeluarkan dalam negara. Peralatan yang dibeli daripada pengeluaran tempatan diberi pengecualian cukai jualan.

Galakan ini adalah bagi permohonan yang diterima mulai 28 Oktober 2000 hingga 31 Disember 2002. Syarikat dikehendaki melaksanakan projek berkenaan dalam tempoh selewat-lewatnya satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan.

B. Syarikat yang membuat perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri:

- i. Elaun Modal Dipercepatkan ke atas peralatan penjimatan tenaga dihapuskan dalam tempoh 3 tahun; dan
- ii. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan untuk projek berkenaan jika tidak dikeluarkan dalam negara. Peralatan yang dibeli daripada pengeluaran tempatan diberi pengecualian cukai jualan.

Cadangan

Sebagai langkah untuk terus mengurangkan kos menjalankan perniagaan dengan menjimatkan tenaga, adalah dicadangkan:

A. Syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan tenaga:

Galakan yang sedia ada dilanjutkan selama 3 tahun lagi sehingga 31 Disember 2005. Syarikat dikehendaki melaksanakan projek berkenaan dalam tempoh selewat-lewatnya satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan.

B. Syarikat yang membuat perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri:

Tempoh menghapuskira perbelanjaan modal ke atas peralatan penjimatan tenaga dipercepatkan daripada 3 tahun kepada 1 tahun. Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

LAMPIRAN 8

**KAJIAN SEMULA CUKAI PEGANGAN
KE ATAS KONTRAKTOR BUKAN PEMASTAUTIN**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, apa-apa bayaran kepada kontraktor bukan pemastautin bagi penyediaan perkhidmatan di bawah suatu kontrak, dikenakan cukai pegangan sebanyak 15% bagi tujuan cukai pendapatan syarikat dan 5% bagi cukai pendapatan untuk pekerjaanya. Cukai pegangan ini hanya merupakan bayaran pendahuluan sahaja. Jumlah cukai sebenar yang perlu dibayar oleh syarikat dan pekerja akan dimuktamadkan setelah kontrak selesai.

Kadar cukai pegangan ini tidak pernah dikaji semula walaupun cukai pendapatan korporat dan individu telah dikurangkan beberapa kali.

Cadangan

Bagi memastikan kontraktor bukan pemastautin tidak terbeban dengan cukai pegangan yang berlebihan berbanding dengan cukai sebenarnya yang perlu dibayar, adalah dicadangkan kadar cukai pegangan dikurangkan daripada 15% kepada 10% bagi syarikat dan daripada 5% kepada 3% bagi pekerja.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 21 September 2002.

PEMANSUHAN DUTI IMPORT DAN CUKAI JUALAN KE ATAS KERTAS

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, kertas berkualiti tertakluk kepada duti import 5% atau 10% dan cukai jualan 10%, manakala buku dan lain-lain bahan bacaan tidak dikenakan sebarang cukai. Ini tidak menggalakkan percetakan buku dan lain-lain bahan bacaan di dalam negara.

Cadangan

Bagi menggiatkan lagi industri percetakan dan membantu mengurangkan kos percetakan buku dan lain-lain bahan bacaan dalam negara, adalah dicadangkan duti import dan cukai jualan ke atas kertas berkualiti dimansuhkan. Nombor kod tarif dan diskripsi kertas berkualiti terlibat adalah seperti berikut:

<u>No. Kod Tarif</u>	<u>Diskripsi Barangan</u>
4810	<p>Paper and paperboard, coated on one or both sides with kaolin (China clay) or other inorganic substances, with or without a binder, and with no other coating, whether or not surface-coloured, surface-decorated or printed, in rolls or rectangular (including square) sheets, of any size.</p> <p>- Paper and paperboard of a kind used for writing, printing or other graphic purposes, not containing fibres obtained by a mechanical or chemi-mechanical process or of which not more than 10% by weight of the total fibre content consists of such fibres:</p>
4810 13	-- In rolls:
4810 13 110	Writing or printing papers: ruled, lined or squared
4810 13 190	other
4810 13 900	Other

<u>No. Kod Tarif</u>	<u>Diskripsi Barangan</u>
4810 14	-- In sheets with one side not exceeding 435 mm and the other side not exceeding 297 mm in the unfolded state:
	Writing or printing papers:
4810 14 110	ruled, lined or squared
4810 14 190	other
4810 14 900	Other
4810 19	-- Other:
	Writing or printing papers:
4810 19 110	ruled, lined or squared
4810 19 190	other
4810 19 900	Other
4810 22	- Paper and paperboard of a kind used for writing, printing or other graphic purposes, of which more than 10% by weight of the total fibre content consists of fibres obtained by mechanical or chemi-mechanical process:
	-- Light-weight coated paper:
	Writing or printing papers:
4810 22 110	ruled, lined or squared
4810 22 190	other
4810 22 900	Other
4810 29	-- Other
	Writing or printing papers:
4810 29 110	ruled, lined or squared
4810 29 190	other
4810 29 900	Other

Cadangan ini berkuat kuasa mulai jam 4.00 petang pada 20 September 2002.

LAMPIRAN 10

KAJIAN SEMULA CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN PENGIRIMAN CEPAT

Kedudukan Semasa

Perkhidmatan pengiriman cepat dikenakan cukai perkhidmatan 5% tidak kira sama ada pengiriman di dalam atau di luar negara.

Cadangan

Bagi mengurangkan kos penghantaran ke luar negara, adalah dicadangkan perkhidmatan pengiriman cepat dari suatu tempat di dalam Malaysia ke luar Malaysia tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Cadangan ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.

LAMPIRAN 11

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN YANG DIBERI KEPADA SYARIKAT DALAM KUMPULAN YANG SAMA

Kedudukan Semasa

Cukai perkhidmatan 5% dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh mana-mana orang termasuk perkhidmatan profesional yang diberikan oleh syarikat kepada mana-mana syarikat dalam kumpulan yang sama.

Pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan profesional yang disediakan kepada syarikat dalam kumpulan yang sama tidak menggalakkan syarikat membuat pengkhususan atau berkongsi penggunaan sumber bagi tujuan penjimatan kos dan meningkatkan efisiensi.

Cadangan

Bagi mengurangkan kos pengendalian perniagaan, adalah dicadangkan perkhidmatan profesional yang diberikan kepada syarikat dalam kumpulan yang sama tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan profesional yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. akauntan awam;
- ii. peguambela dan peguamcara;
- iii. jurutera profesional;
- iv. arkitek;
- v. juru ukur termasuk penilai, penaksir atau agen hartanah;

- vi. juru perunding; dan
- vii. perkhidmatan pengurusan.

Cadangan ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.

LAMPIRAN 12

GALAKAN ISTIMEWA BAGI MENINGKATKAN EKSPORT

Kedudukan Semasa

Bagi membantu syarikat meningkatkan eksport barangan perkilangan dan pertanian serta perkhidmatan mereka, beberapa galakan cukai telah disediakan. Antara galakan cukai berkaitan adalah:

- i. potongan dua kali ke atas perbelanjaan menggalakkan eksport;
- ii. pengecualian cukai sehingga 70% daripada pendapatan statutori yang diperolehi oleh syarikat perdagangan antarabangsa daripada peningkatan jualan eksport selama 5 tahun;
- iii. pengecualian ke atas pendapatan statutori bersamaan 10% daripada nilai peningkatan eksport sekiranya barangan yang dieksport mencapai nilai ditambah sekurang-kurangnya 30%;
- iv. pengecualian ke atas pendapatan statutori bersamaan 15% daripada nilai peningkatan eksport sekiranya barangan yang dieksport mencapai nilai ditambah sekurang-kurangnya 50%;
- v. pengecualian ke atas pendapatan statutori bersamaan 10% daripada nilai peningkatan eksport bagi pengeksportan keluaran pertanian;
- vi. pengecualian ke atas pendapatan statutori bersamaan 50% daripada nilai peningkatan eksport bagi syarikat dalam bidang perkhidmatan tertentu;
- vii. potongan dua kali ke atas premium insurans kredit eksport;
- viii. potongan dua kali ke atas perbelanjaan promosi luar negeri;
- ix. potongan sekali ke atas perbelanjaan sebelum memulakan operasi untuk pelaburan luar negeri yang diluluskan; dan
- x. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah, komponen, mesin dan peralatan bagi pengeluaran untuk pasaran eksport.

Cadangan

Sokongan padu yang berterusan wajar diberi bagi menjadikan Malaysia sebuah negara pengeksport barangan bermutu tinggi yang dapat bersaing di pasaran global. Bagi meningkatkan lagi eksport dengan memastikan barangan Malaysia mendapat pasaran yang meluas, adalah dicadangkan syarikat pengilang milik tempatan diberi galakan yang lebih menarik seperti berikut:

- i. pengecualian cukai ke atas pendapatan statutori bersamaan 30% daripada nilai peningkatan eksport sekiranya syarikat berjaya mencatat pertambahan eksport yang signifikan;
- ii. pengecualian cukai ke atas pendapatan statutori bersamaan 50% daripada nilai peningkatan eksport sekiranya syarikat berjaya menembusi pasaran baru; dan
- iii. pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya ke atas nilai peningkatan eksport sekiranya syarikat berjaya mencatat peningkatan eksport yang tertinggi.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

LAMPIRAN 13

KAJIAN SEMULA PENGEQUALIAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS FAEDAH DARIPADA SEKURITI HUTANG SWASTA

Kedudukan Semasa

Faedah yang diperolehi daripada pelaburan dalam sekuriti hutang swasta tertentu oleh individu, unit amanah dan dana tertutup yang tersenarai (*listed closed-end fund*) adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Sekuriti hutang swasta tersebut adalah seperti berikut:

- i. sekuriti atau bon yang dikeluarkan oleh Kerajaan; atau
- ii. bon selain daripada *convertible loan stock* yang dikeluarkan oleh syarikat yang tersenarai di *Kuala Lumpur Stock Exchange*; atau
- iii. bon selain daripada *convertible loan stock* yang diberi penarafan oleh Rating Agency Malaysia Berhad atau Malaysian Rating Corporation Berhad; atau

- iv. Bon Simpanan Malaysia yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Cadangan

Bagi menggalakkan lagi pembiayaan melalui sekuriti hutang swasta, adalah dicadangkan pengecualian cukai pendapatan ke atas faedah daripada sekuriti hutang swasta yang diperolehi oleh individu, unit amanah dan *listed closed-end fund* diperluaskan kepada faedah yang diperolehi daripada:

- i. sekuriti atau bon yang dijamin oleh Kerajaan; dan
- ii. *debentures* selain daripada *convertible loan stock* yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

LAMPIRAN 14

MENGGALAKKAN PENERBITAN SEKURITI HUTANG SWASTA ISLAM

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, kebanyakan sekuriti hutang swasta Islam menggunakan prinsip bai'bithaman ajil dan murabahah. Prinsip ini tidak menarik pelabur dari Timur Tengah disebabkan oleh tafsiran syariah yang berbeza. Penerbitan sekuriti hutang swasta Islam yang menggunakan prinsip mudharabah, musyarakah dan ijarah didapati lebih menarik minat pelabur dari negara Timur Tengah.

Mengikut prinsip percukaian, perbelanjaan bagi menerbitkan sekuriti hutang swasta sama ada konvensional atau Islam tidak dibenarkan sebagai potongan bagi maksud pengiraan cukai pendapatan kerana ia adalah dianggap sebagai perbelanjaan modal.

Cadangan

Bagi menggalakkan penerbitan sekuriti hutang swasta Islam yang menggunakan prinsip mudharabah, musyarakah dan ijarah, adalah dicadangkan perbelanjaan menerbitkan sekuriti hutang swasta Islam

mengikut prinsip tersebut diberi potongan bagi maksud pengiraan cukai pendapatan untuk tempoh 5 tahun.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

LAMPIRAN 15

KAJIAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERBANKAN ISLAM

Kedudukan Semasa

Pada prinsipnya, pembiayaan perbankan Islam dikenakan duti setem yang sama dengan pembiayaan perbankan konvensional. Walau bagaimanapun, bagi penstrukturan dan penjadualan semula pinjaman serta pembiayaan perbankan Islam tanpa cagaran iaitu, *Islamic revolving financing facility*, duti setem dikenakan sekali lagi. Duti setem ini dikenakan ke atas perjanjian baru bagi penjualan dan pembelian aset untuk mengambilkira pembaharuan akad dari masa ke semasa.

Di bawah pembiayaan perbankan konvensional, surat cara baru perjanjian penjualan dan perjanjian pembelian aset tidak diperlukan, tetapi sebaliknya hanya membuat surat tawaran pembiayaan yang tertakluk kepada duti setem nominal RM10.00 sahaja.

Cadangan

Bagi memastikan produk pembiayaan perbankan Islam tidak dikenakan bayaran duti setem yang lebih tinggi berbanding dengan produk perbankan konvensional, adalah dicadangkan duti setem dikecualikan bagi semua surat cara baru perjanjian penjualan dan perjanjian pembelian aset bagi kemudahan pembiayaan perbankan Islam berikut:

- i. penstrukturan semula atau penjadualan semula pembiayaan asal, terhad kepada baki pembiayaan; dan
- ii. pembaharuan pembiayaan perbankan Islam tanpa cagaran iaitu, *Islamic revolving financing facility*.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 21 September 2002.

GALAKAN BAGI PUSAT PENGEDARAN SERANTAU

Kedudukan Semasa

Pusat Pengedaran Serantau (RDC) merupakan pusat pengumpulan dan konsolidasi barangan siap, komponen dan alat ganti dari dalam dan luar negara untuk diedarkan kepada pengedar, pengimport atau anak syarikatnya sendiri atau syarikat sekutunya di luar atau di dalam negara. Antara aktiviti yang terlibat adalah pecah pukal, pembungkusan semula dan pelabelan. Sehubungan dengan itu, Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC) yang menjalankan aktiviti yang hampir serupa juga boleh dikategorikan sebagai RDC.

Cadangan

RDC dapat memberi manfaat kepada negara dari segi meningkatkan penggunaan kemudahan infrastruktur seperti pelabuhan, lapangan terbang dan kemudahan sokongan seperti perbankan dan insurans. Di samping itu, ia juga dapat memperluaskan peluang pasaran barangan keluaran tempatan dan mewujudkan peluang pekerjaan. Oleh yang demikian, untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pengedaran serantau, adalah dicadangkan RDC yang diluluskan diberi galakan berikut:

- i. pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun;
- ii. dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai diberi pengecualian di peringkat pemegang saham;
- iii. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas barangan bagi tujuan pengedaran; dan
- iv. jawatan pegawai dagang diluluskan, mengikut keperluan.

Cadangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. RDC diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965;
- ii. jumlah jualan tahunannya (*annual turnover*) tidak kurang daripada RM100 juta;
- iii. RDC hendaklah berlokasi di zon bebas (kawasan perindustrian bebas atau kawasan perdagangan bebas) atau gudang berlesen (awam dan persendirian) atau gudang pengilangan berlesen (LMW); dan

- iv. RDC tidak dibenarkan menjual lebih daripada 20% daripada barangan edarannya ke pasaran tempatan.

Pengecualian cukai ke atas pendapatan statutori dan dividen di peringkat pemegang saham yang diberi kepada RDC diperluaskan juga kepada IPC.

Permohonan untuk galakan hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Menteri Kewangan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mulai 21 September 2002.

LAMPIRAN 17

KAJIAN SEMULA GALAKAN BAGI IBU PEJABAT OPERASI

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, Ibu Pejabat Operasi (OHQ) yang diluluskan diberi galakan cukai berikut:

- i. kadar cukai konsesi sebanyak 10% ke atas pendapatan yang diperolehi daripada penyediaan perkhidmatan yang layak kepada syarikat kaitannya di luar negeri selama 5 tahun dan boleh dilanjutkan 5 tahun lagi; dan
- ii. galakan bukan cukai antara lainnya adalah:
 - a. jawatan pegawai dagang mengikut keperluan;
 - b. mendapat kemudahan kredit dalam matawang asing daripada bank perdagangan berlesen di Malaysia atau bank pesisiran pantai berlesen di Labuan tanpa kelulusan Bank Negara Malaysia (BNM);
 - c. meminjam secara bebas sehingga RM10 juta daripada institusi kewangan di dalam negara;
 - d. melabur dalam sekuriti asing dan meminjamkan kepada syarikat kaitannya di luar Malaysia; dan
 - e. membuka satu akaun matawang asing atau satu akaun berbagai matawang asing dengan bank perdagangan berlesen di Malaysia atau bank pesisiran pantai di Labuan.

Cadangan

Sebagai usaha untuk menarik lebih banyak OHQ beroperasi di Malaysia, adalah dicadangkan OHQ dikecualikan daripada cukai ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun.

Dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai diberi pengecualian di peringkat pemegang saham.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 21 September 2002.

LAMPIRAN 18

LAYANAN CUKAI PENDAPATAN BAGI PEGAWAI DAGANG DI IBU PEJABAT OPERASI DAN PEJABAT SERANTAU

Kedudukan Semasa

Pegawai-pegawai dagang di Ibu Pejabat Operasi (OHQ) dan Pejabat serantau (RO) sering keluar masuk Malaysia bagi menjalankan tugas mereka tetapi dikenakan cukai ke atas keseluruhan pendapatannya.

Cadangan

Bagi menarik lebih banyak pejabat serantau berlokasi di Malaysia, adalah dicadangkan pegawai dagang di OHQ atau RO dikenakan cukai ke atas bahagian pendapatan bercukai yang diperolehi bagi tempoh pegawai dagang tersebut berada di dalam negara sahaja.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

KAJIAN SEMULA SYARAT PEMASTAUTIN BAGI TUJUAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pemastautin dikenakan cukai pendapatan individu di antara 0% dan 28% sementara bukan pemastautin dikenakan cukai pada kadar tetap 28%. Selain itu, individu pemastautin juga layak menikmati pelbagai pelepasan dan rebat cukai.

Seorang individu perlu berada di Malaysia sekurang-kurangnya 182 hari dalam mana-mana tahun untuk mendapat taraf pemastautin bagi maksud cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, seorang individu yang berada di Malaysia kurang daripada 182 hari dalam sesuatu tahun layak mendapat taraf pemastautin bagi tahun berkenaan jika tempoh kurang daripada 182 hari itu bersambungan (*linked*) dengan tempoh dia berada di Malaysia selama 182 hari berturut-turut pada tahun sebelum atau tahun berikutnya. Kedua-dua tempoh (iaitu kurang daripada 182 hari dan sekurang-kurangnya 182 hari) tersebut adalah dianggap bersambungan dengan syarat individu tersebut berada di Malaysia (*compulsory stay*) pada 31 Disember tahun semasa dan 1 Januari tahun berikutnya.

Syarat supaya individu dikehendaki berada di Malaysia pada 31 Disember dan 1 Januari untuk mendapat taraf pemastautin menyulitkan pegawai dagang yang bekerja di Malaysia kerana mereka mungkin tidak dapat berada dalam negara pada tarikh-tarikh berkenaan.

Cadangan

Bagi memudahkan syarat untuk mendapat taraf pemastautin, adalah dicadangkan syarat individu dikehendaki berada di Malaysia pada 31 Disember tahun semasa dan 1 Januari tahun berikutnya dimansuhkan. Tempoh dua hari individu tersebut tidak berada di Malaysia dianggap sebagai sebahagian daripada tempoh tidak berada di Malaysia (*temporary absence*) yang dibenarkan bagi tujuan mendapat taraf pemastautin.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

**GALAKAN EKSPORT BAGI
PERKHIDMATAN PROFESIONAL**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, galakan potongan dua kali bagi perbelanjaan promosi eksport bagi semua perkhidmatan hanya diberi kepada syarikat yang berdaftar dengan Pendaftar Syarikat. Galakan ini tidak meliputi perkhidmatan profesional yang dijalankan oleh entiti perkongsian atau perseorangan yang berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan.

Cadangan

Memandangkan perkhidmatan profesional tertentu berpotensi menembusi pasaran eksport yang boleh menjana pendapatan, adalah dicadangkan galakan potongan dua kali bagi perbelanjaan promosi eksport diperluaskan kepada perkhidmatan profesional yang berikut:

- i. perundangan;
- ii. perakaunan (termasuk percukaian dan perkhidmatan perunding pengurusan);
- iii. perkhidmatan seni bina (termasuk perancangan bandar dan seni bina lanskap);
- iv. kejuruteraan dan perkhidmatan kejuruteraan bersepadu (termasuk penilaian dan ukur bahan); dan
- v. perubatan dan pergigian.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

MENINGKATKAN KECEKAPAN AGEN KASTAM

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, kriteria yang digunapakai oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia bagi kebenaran untuk menjadi agen kastam di bawah Seksyen 90

Akta Kastam 1967 adalah modal, premis tetap dan perlantikan oleh pelanggan. Kriteria kemahiran dalam bidang berkaitan tidak diambil kira.

Cadangan

Bagi memastikan agen kastam memperolehi kemahiran yang tinggi supaya dapat menyediakan perkhidmatan penghantaran yang cekap, adalah dicadangkan kebenaran menjadi agen kastam hanya dikeluarkan kepada mereka yang telah menjalani latihan dan lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.

Cadangan ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.

LAMPIRAN 22

KAJIAN SEMULA CUKAI JALAN KE ATAS SEMI-TRELER PELBAGAIGUNA DAN *PRIME MOVER*

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, cukai jalan ke atas semi-treler pelbagaiguna dan *prime mover* pelbagaiguna dikenakan secara berasingan. Di samping itu, cukai jalan ke atas semi-treler pelbagaiguna mengambilkira berat *prime mover* pelbagaiguna. Ini menjadikan cukai jalan ke atas semi-treler pelbagaiguna lebih tinggi daripada *prime mover* pelbagaiguna. Struktur cukai jalan yang tinggi ke atas semi-treler pelbagaiguna tidak menggalakkan syarikat pengangkutan memiliki banyak semi-treler pelbagaiguna.

Cadangan

Bagi menggalakkan syarikat pengangkutan memiliki lebih banyak semi-treler pelbagaiguna dan membantu perkembangan industri pengangkutan negara serta mengurangkan kos pengangkutan, adalah dicadangkan cukai jalan ke atas semi-treler pelbagaiguna dan *prime-mover* pelbagaiguna dipinda seperti berikut:

- i. cukai jalan ke atas semi-treler pelbagaiguna dihapuskan;
- ii. cukai jalan ke atas *prime-mover* pelbagaiguna dipinda daripada hanya berasaskan *kerb weight of the prime mover* sahaja

kepada berasaskan *gross combined weight* iaitu berat *prime mover* dan semi-treler dan kapasiti muatan kenderaan;

- iii. cukai jalan ke atas semi-treler untuk kontena sebanyak RM90.00 dihapuskan; dan
- iv. cukai jalan ke atas *prime mover* untuk kontena dikekalkan berdasarkan *kerb weight* sahaja.

Cadangan ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.

LAMPIRAN 23

GALAKAN BAGI PENYATUAN PENGURUSAN KEBUN KECIL DAN TANAH TERBIAR

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, aktiviti penyatuan pengurusan kebun kecil dijalankan oleh agensi awam seperti RISDA dan FELCRA. Penglibatan syarikat swasta dalam aktiviti ini amat berkurangan.

Cadangan

Bagi menggalakkan penyatuan pengurusan kebun kecil dan tanah terbiar, adalah dicadangkan:

- i. syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya yang terlibat dengan aktiviti penyatuan pengurusan kebun kecil atau tanah terbiar diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat; dan
- ii. syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya yang terlibat dengan aktiviti penyatuan pengurusan kebun kecil atau tanah terbiar diberi pengecualian cukai perkhidmatan.

Permohonan bagi cadangan (i) hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Menteri Kewangan melalui Kementerian Perusahaan Utama mulai 21 September 2002.

Cadangan (ii) akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.

**GALAKAN UNTUK MENINGKATKAN PENANAMAN
POKOK KAYU GETAH**

Kedudukan Semasa

Tanaman pokok getah semakin berkurangan kerana diganti dengan tanaman pokok kelapa sawit dan koko yang memberi hasil yang lebih lumayan. Walau bagaimanapun, permintaan kayu getah semakin meningkat berikutan perkembangan industri perabot yang menggunakan kayu getah sebagai bahan mentahnya.

Cadangan

Bagi menjamin bekalan kayu getah kepada industri perabot, adalah dicadangkan syarikat perladangan bukan getah yang menanam sekurang-kurangnya 10% daripada ladangnya dengan pokok kayu getah diberi Elaun Pertanian Dipercepatkan, iaitu tempoh menghapuskira perbelanjaan modal bagi menyediakan kawasan, menanam dan menyelenggara tanaman pokok kayu getah dipercepatkan daripada dua tahun kepada satu tahun.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Perusahaan Utama mulai 21 September 2002.

**GALAKAN TAMBAHAN UNTUK AKTIVITI
PERIKANAN LAUT DALAM**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, aktiviti perikanan laut dalam diberi galakan berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan statutori.

Cadangan

Industri perikanan laut dalam mempunyai potensi besar untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan. Bagi menggalakkan lagi pelaburan dalam industri ini, adalah dicadangkan galakan sedia ada bagi pengeluaran bahan makanan diperluaskan kepada aktiviti perikanan laut dalam.

Galakan yang dicadangkan kepada syarikat yang baru menceburi aktiviti perikanan laut dalam adalah:

A. Pilihan Pertama:

- i. syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti perikanan laut dalam diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari tersebut; dan
- ii. syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti perikanan laut dalam diberi pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun bermula dari tahun pertama syarikat mendapat keuntungan di mana:
 - a. kerugian sebelum bermula tempoh pengecualian cukai dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai 10 tahun;
 - b. kerugian dalam tempoh pengecualian cukai juga dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai 10 tahun; dan
 - c. dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai diberi pengecualian di peringkat pemegang saham.

B. Pilihan Kedua:

- i. syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti perikanan laut dalam diberi *group relief* ke atas kerugian syarikat yang menjalankan aktiviti perikanan laut dalam bagi tempoh sebelum syarikat tersebut membuat keuntungan; dan
- ii. syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti perikanan laut dalam diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun bermula dari tahun pertama syarikat mendapat keuntungan di mana:

- a. kerugian dalam tempoh pengecualian cukai dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai 10 tahun; dan
- b. dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai diberi pengecualian di peringkat pemegang saham.

Galakan ini diberi dengan syarat:

- i. syarikat yang melabur hendaklah memiliki 100% syarikat yang menjalankan aktiviti perikanan laut dalam;
- ii. projek hendaklah dilaksanakan dalam tempoh selewat-lewatnya satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan; dan
- iii. projek hendaklah memenuhi peruntukan di bawah Akta Perikanan 1985.

Bagi pelabur dan syarikat yang sedang menjalankan aktiviti perikanan laut dalam, galakan diberi untuk tempoh 5 tahun tertakluk kepada syarat-syarat yang sama seperti di atas.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Pertanian mulai 21 September 2002 sehingga 31 Disember 2005.

LAMPIRAN 26

GALAKAN BAGI AKTIVITI MEMPROSES PRODUK MAKANAN

Kedudukan Semasa

Syarikat yang menjalankan aktiviti memproses produk makanan yang digalakkan diberi:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan statutori.

Semua syarikat pengilang termasuk syarikat memproses produk makanan yang membuat pelaburan semula diberi Elaun Pelaburan Semula 60% daripada perbelanjaan modal yang layak selama 15 tahun.

Syarikat milik tempatan dalam industri berasaskan sumber yang melabur semula dalam projek pembesaran telah juga diberi sekali lagi galakan berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan statutori.

Cadangan

Bagi menggalakkan syarikat sedia ada membuat pelaburan semula untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan dan eksport, adalah dicadangkan syarikat milik tempatan yang melabur semula dalam aktiviti memproses produk makanan yang digalakkan diberi sekali lagi galakan yang sama seperti berikut:

A. Penempatan di luar kawasan yang digalakkan:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan statutori.

B. Penempatan di kawasan yang digalakkan:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 85% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan 80% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dihadkan kepada 85% daripada pendapatan statutori.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 21 September 2002.

LAMPIRAN 27

GALAKAN UNTUK MENUKAR SISTEM PENTERNAKAN AYAM DAN ITIK

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, tiada galakan diberi bagi menggalakkan penternak ayam dan itik menukar daripada sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup.

Cadangan

Bagi memodenkan sektor pertanian di samping menggalakkan penggunaan sistem pertanian yang mesra alam, penternakan ayam dan itik yang menggunakan sistem reban tertutup wajar digalakkan. Adalah dicadangkan penternak ayam dan itik yang membuat pelaburan semula bagi menukar daripada sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup diberi galakan Elaun Pelaburan Semula (EPS) selama 15 tahun berturut-turut mulai daripada tahun pertama pelaburan semula dibuat seperti berikut:

- i. projek di kawasan yang digalakkan iaitu di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak diberi EPS 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran sehingga 100% daripada pendapatan statutori; dan
- ii. projek di luar kawasan yang digalakkan diberi EPS 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan statutori.

Galakan ini diberi dengan syarat kapasiti ternakan ayam dan itik secara sistem reban tertutup adalah sekurang-kurangnya:

- i. 20,000 ekor untuk ayam pedaging/itik pedaging bagi setiap pusingan; atau
- ii. 50,000 ekor ayam penelur/itik penelur bagi setiap pusingan.

Galakan ini adalah bagi penternak yang mendapat kelulusan Kementerian Pertanian.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

LAMPIRAN 28

GALAKAN BAGI MEREKABENTUK DAN MENGELUARKAN MODUL KOMPONEN AUTOMOTIF

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat yang mengeluarkan komponen automotif yang memenuhi kriteria nilai ditambah sekurang-kurangnya 25% dan Indeks Pengurusan, Teknikal dan Penyeliaan sekurang-kurangnya 15% layak mendapat galakan:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan statutori.

Cadangan

Bagi meningkatkan pelaburan dan menggalakkan syarikat tempatan menjalankan aktiviti merekabentuk dan penyelidikan dan pembangunan (R&D) modul komponen automotif, adalah dicadangkan syarikat, termasuk syarikat sedia ada, yang terlibat dalam aktiviti mereka bentuk, R&D dan pengeluaran modul atau sistem komponen automatif yang layak diberi galakan berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran sehingga 100% daripada pendapatan statutori.

Aktiviti merekabentuk, R&D dan pengeluaran modul komponen automotif yang layak adalah:

- a. *Front corner module*
- b. *Rear corner module*
- c. *Instrument panel module*
- d. *Strut and absorbers and spring assembly module*
- e. *Bumper module*
- f. *Front cross member module*
- g. *Function integrated door module*
- h. *Fuel tank module*
- i. *Seat module*
- j. *Pedal module*
- k. *Door trim module*
- l. *Floor console module*
- m. *Tyre and wheel module*
- n. *Brake system*
- o. *Wiper system*
- p. *Exhaust system*
- q. *Audio system*
- r. *HVAC (Heater Ventilation Air-Conditioning System)*
- s. *Air bag system*
- t. *Power and signal distribution system*
- u. *Alarm system*
- v. *Seat belt system*
- w. *Exterior lighting system*
- x. *Body in white module*
- y. *Engine management system, safety system, telematics, navigational system, engine fuel injection, vehicle intelligence system*

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 21 September 2002.

GALAKAN CUKAI BAGI MESIN DAN PERALATAN TERPILIH

Kedudukan Semasa

Mesin dan peralatan khusus iaitu *machine tools, plastic injection machines, material handling equipment, robotics, factory automation equipment and parts and components for these machinery and equipment* telah diberi galakan cukai bagi industri strategik:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan 100% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran sehingga 100% daripada pendapatan statutori.

Kemajuan industri mesin dan peralatan tempatan masih di peringkat awal dan keperluannya masih bergantung kepada import.

Cadangan

Bagi memajukan lagi industri mesin dan peralatan, adalah dicadangkan galakan cukai bagi industri strategik diperluaskan kepada kategori mesin dan peralatan berikut:

- i. *specialised /process machinery or equipment for specific industry;*
- ii. *packaging machinery;*
- iii. *plastic extrusion machinery;* dan
- iv. *parts and components of the above machinery and equipment.*

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 21 September 2002.

GALAKAN UNTUK EKONOMI BERASASKAN PENGETAHUAN

Kedudukan Semasa

Pengetahuan, kreativiti dan inovasi memainkan peranan yang semakin penting dalam menjana dan mengekalkan pertumbuhan. Oleh yang demikian peralihan ekonomi daripada ekonomi berasaskan pengeluaran kepada ekonomi berasaskan pengetahuan adalah penting. Walaupun langkah-langkah telah diambil untuk beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan, proses peralihan ini perlu dipercepatkan bagi meningkatkan daya saing dan mengekalkan pertumbuhan dinamik dalam ekonomi.

Cadangan

Bagi menggalakkan lagi syarikat melabur dalam aktiviti berintensif pengetahuan, adalah dicadangkan:

- i. syarikat yang mendapat status 'Syarikat Berasaskan Pengetahuan Strategik' (*Strategic Knowledge-based Company*) diberi galakan berikut:
 - a. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
 - b. Elaun Cukai Pelaburan 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun dikurangkan bagi suatu tahun taksiran sehingga 100% daripada pendapatan statutori.

Galakan ini diberi dengan syarat berikut:

- a. syarikat hendaklah merupakan sebuah syarikat berintensif pengetahuan iaitu mempunyai ciri berikut:
 - potensi untuk menjana *knowledge content*;
 - operasi nilai ditambah yang tinggi;
 - berteknologi tinggi; dan
 - menggaji sebilangan besar pekerja berpengetahuan.

- b. syarikat hendaklah mempunyai Pelan Induk Berasaskan Pengetahuan bagi syarikatnya (Corporate Knowledge-based Master Plan).
- ii. perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat bagi mendraf Pelan Induk Berasaskan Pengetahuan bagi syarikatnya dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan cukai pendapatan. Galakan ini hanya boleh dituntut apabila syarikat mula melaksanakan Pelan Induk berkenaan.

Cadangan (i) adalah bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 21 September 2002 dan cadangan (ii) berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

LAMPIRAN 31

MEMUDAH DAN MENYERAGAMKAN PERATURAN/PROSEDUR KASTAM

Kedudukan Semasa

Berbagai peraturan dan prosedur kastam yang sedia ada dikenakan bagi pergerakan barangan didapati membebankan pelabur. Antaranya adalah:

- i. penyediaan jaminan bank sebagai sekuriti ke atas pergerakan barangan yang cukainya belum dibayar;
- ii. penggunaan pelbagai borang bagi pergerakan barangan; dan
- iii. pemeriksaan barangan sekali lagi oleh Jabatan Kastam walaupun telah diperiksa oleh agensi lain seperti Jabatan Haiwan atau Jabatan Pertanian.

Cadangan

Bagi memastikan pergerakan barangan adalah mudah dan cepat, adalah dicadangkan peraturan dan prosedur kastam dipermudah dan diseragamkan seperti berikut:

- i. pergerakan barangan yang nilai cukainya rendah dikenakan bon am sahaja;

- ii. pergerakan barangan bercukai menggunakan satu borang sahaja; dan
- iii. Jabatan Kastam tidak akan membuat pemeriksaan lanjut ke atas barangan yang telah diperiksa oleh agensi lain.

Cadangan ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.

LAMPIRAN 32

GALAKAN BAGI PUSAT PENJAGAAN ORANG TUA

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, tiada galakan khusus bagi pusat penjagaan orang tua. Dalam situasi keluarga terdekat atau anak-anak mereka bekerja, ibu bapa terpaksa ditinggalkan di rumah tanpa penjagaan yang sempurna. Keadaan akan bertambah sulit sekiranya ibu bapa itu telah terlalu lanjut usia mereka.

Cadangan

Bagi memperbanyakkan pusat penjagaan warga tua serta mempertingkatkan keselesaan penghuninya, adalah dicadangkan pihak yang membina atau membeli bangunan untuk dijadikan pusat penjagaan orang tua diberi galakan elaun bangunan sebanyak 10% daripada kos terlibat selama 10 tahun. Pusat penjagaan tersebut hendaklah diluluskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

KAJIAN SEMULA CUKAI KE ATAS PAMPASAN PEMBERHENTIAN KERJA

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pampasan yang diterima oleh mereka yang terpaksa berhenti kerja atau menerima tawaran diberhenti kerja (VSS) dikecualikan daripada cukai pendapatan setakat RM4,000 bagi setiap tahun perkhidmatan.

Cadangan

Bagi menampung kos sara hidup yang semakin meningkat, adalah dicadangkan kadar pengecualian cukai ke atas bayaran pampasan yang diterima oleh pekerja berkenaan dinaikkan daripada RM4,000 kepada RM6,000 bagi setiap tahun perkhidmatan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

KAJIAN SEMULA GALAKAN BAGI PENGGUNAAN SUMBER TENAGA YANG BOLEH DIPERBAHARUI

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat yang mengeluarkan tenaga dengan menggunakan *biomass* sebagai sumber tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*) diberi galakan cukai berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan statutori; dan
- ii. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan untuk projek berkenaan jika tidak dikeluarkan

dalam negara. Peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan diberi pengecualian cukai jualan.

Galakan ini adalah bagi permohonan yang diterima mulai 28 Oktober 2000 hingga 31 Disember 2002. Syarikat dikehendaki melaksanakan projek berkenaan dalam tempoh selewat-lewatnya satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan aktiviti pengeluaran tenaga yang menggunakan *renewable energy*, adalah dicadangkan:

- i. galakan yang sedia ada bagi penggunaan *biomass* sebagai sumber *renewable energy* dilanjutkan 3 tahun lagi sehingga 31 Disember 2005. Syarikat dikehendaki melaksanakan projek berkenaan dalam tempoh selewat-lewatnya satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan; dan
- ii. skop galakan diperluaskan kepada penggunaan *renewable energy* yang lain iaitu:
 - a. kuasa hidro (tidak melebihi 10 megawatt); dan
 - b. kuasa suria.

Galakan (ii) adalah bagi permohonan yang diterima mulai 21 September 2002 sehingga 31 Disember 2005. Syarikat dikehendaki melaksanakan projek berkenaan dalam tempoh selewat-lewatnya satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan.

LAMPIRAN 35

REMITAN DUTI SETEM BAGI PINDAHMILIK HARTANAH

Kedudukan Semasa

Urusan pindahmilik hartanah tanpa balasan antara ahli keluarga seperti suami kepada isteri dan ibu bapa kepada anak adalah tertakluk kepada duti setem yang sama seperti pindahmilik hartanah dengan balasan. Duti setem yang dikenakan adalah berdasarkan nilai semasa pasaran hartanah seperti berikut:

- i. 1% bagi RM100,000 pertama;
- ii. 2% bagi RM400,000 berikutnya; dan
- iii. 3% bagi baki berikutnya.

Cadangan

Bagi mengukuhkan hubungan kekeluargaan, adalah dicadangkan duti setem diremitkan sebanyak 50% ke atas surat cara pindahmilik hartanah tanpa balasan daripada suami kepada isteri atau sebaliknya dan ibu bapa kepada anak atau sebaliknya.

Cadangan ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.